- Title #, Chapter #: Tajuk DVD dan nombor babak
- Track #/Scene #: Trek Video-CD atau nombor babak dengan dipaparkan apabila kawalan main balik (PBC) dihidupkan.

- **Hide:** Menyembunyikan skrin kawalan.

2 Kekunci Operasi

-  : Mengulangi kandungan semasa. Setiap kali anda sentuh kekunci, mod ulang akan bertukar seperti turutan berikut; **DVD:** Ulang Tajuk () , Ulang Jilid () , Matikan Ulangan ()
Video-CD (PBC On): Jangan Ulang **Video-CD (PBC Off):** Ulang trek () , Matikan ulangan ()
-   : Mencari kandungan terdahulu/seterusnya
- Sentuh dan tahan untuk cakera maju ke hadapan atau ke belakang
-  : Main atau Jeda
-  : Berhenti

3 Masa main (DVD sahaja)

- Untuk pastikan kedudukan main semasa. Anda boleh seret bulatan ke kiri atau kanan untuk tukar kedudukan main.



4 Kekunci Fungsi (DVD sahaja)

- **Highlight** : Sentuh paparan skrin sorot Video DVD. Lihat **Kawalan Sorot (P.33)**.
- **Menu** : Sentuh untuk paparkan skrin menu kawalan cakera Video DVD. Lihat **Menu Operasi Cakera DVD (P.32)**





5  (Skrin kawalan utama DVD sahaja)

- Sentuh untuk paparkan skrin tetapan DVD. Lihat **Tetapan DVD (P.33)**

6 Panel Sub-kawalan

- Sentuh skrin sebelah kiri untuk paparkan panel

fungsi. Sentuh lagi untuk tutup panel.

-   : Main cakera pantas ke hadapan atau pantas ke belakang. Setiap kali anda sentuh kekunci, kelajuan berubah. 2 kali, 10 kali.
-   (DVD sahaja): Main dalam gerak perlahan kedepan atau kebelakang
- **PBC (Video-CD sahaja):** Sentuh untuk hidupkan atau matikan kawalan main balik (PBC).
- **Audio (Video-CD sahaja):** Sentuh untuk tukar saluran output audio

- **1chLL/2chLL** : Mengenal pasti output audio kiri dari saluran 1 atau 2.
- **1chLR/2chLR** : Mengenal pasti output audio monaural dari saluran 1 atau 2.
- **1chRR/2chRR** : Mengenal pasti output audio kanan dari saluran 1 atau 2.
- **1chST/2chST** : Mengenal pasti output audio stereo dari saluran 1 atau 2.
- **LL** : Mengenal pasti output audio kiri
- **LR** : Mengenal pasti output audio monoaural
- **RR** : Mengenal pasti output audio kanan
- **ST** : Mengenal pasti output audio stereo

7 Kawasan paparan kekunci

Sentuh untuk paparkan skrin kawalan.

NOTA

- Skrin kawalan akan hilang apabila tiada operasi dilakukan dalam masa 5 saat
- Jika anda menggunakan alat kawalan jauh, anda boleh maju ke gambar yang dikehendaki dengan memasukkan nombor babak, nombor aksi, masa main, dll. (P.58)

Operasi Asas CD Musik/ Media Cakera


Kebanyakan fungsi boeh dikawal dari skrin sumber kawalan dan skrin main balik.

NOTA


- Dalam panduan ini, "CD musik" bermaksud CD umum termasuk trek musik
- "Media Cakera" bermaksud cakera CD/DVD termasuk fail audio dan video
- Tangkapan skrin dibawah adalah untuk media cakera. Mungkin berbeza bagi skrin CD.

Skrin Kawalan

Fail Musik



Fail Video



Panel Sub-Kawalan

1 CODEC(Model AVX dengan T-Link)

Apabila sumber beresolusi tinggi dimainkan, maklumat format akan dipaparkan (media Cakera sahaja)

2 Maklumat Trek

Memaparkan maklumat fail/trek semasa. Hanya nama fail dan nama folder dipaparkan jika tiada maklumat tag (media Cakera sahaja).

3 Kekunci Operasi

- : Memaparkan senarai musik (CD Musik sahaja) atau senarai folde (Cakera Media sahaja). Untuk maklumat operasi carian, lihat **Operasi Carian. (P.32)**
- : Cari kandungan sebelumnya/seterusnya. Sentuh dan tahan untuk main cakera pantas ke hadapan atau ke belakang
- : Main atau Jeda
- : Ulang trek/folder semasa. Setiap kali anda menyentuh kekunci, mod ulangan bertukar mengikut turutan berikut; Ulang Fail/Trek (), Ulang Folder () (Cakera Media sahaja), Ulang semua ()
- : Main trek dalam folder/cakera semasa secara rawak. Setiap kali anda sentuh kekunci, mod rawak akan bertukar mengikut turutan berikut; Trek Rawak () (CD Musik Sahaja), Folder Rawak () (Cakera Media Sahaja), Matikan Rawak ()

4 Panel Sub-kawalan (media Cakera Sahaja)

Sentuh skrin sebelah kiri untuk paparkan panel fungsi. Sentuh lagi untuk tutup panel.

- : Cari folder sebelumnya/seterusnya

5 Masa main

Untuk memastikan kedudukan main semasa. Anda boleh seret bulatan ke kiri atau kanan untuk tukar kedudukan main.



6 Sembunyi (Fail Video Sahaja)

Sembunyikan skrin kawalan.

Skrin Video



7 Kawasan paparan kekunci (Fail Video Sahaja)


Sentuh untuk paparkan skrin kawalan


Operasi Carian (CD Musik/ MediaCakera sahaja)




Anda boleh mencari trek/fail.

NOTA

- Untuk operasi dalam skrin senarai, lihat *Skrin Senarai (P.14)*
- Tangkapan skrin di bawah untuk media cakera. Mungkin berbeza untuk paparan CD.

- 1 Sentuh .
 - Folder skrin Senarai dipaparkan.
- 2 Sentuh item dikehendaki dalam senarai kandungan



   (media Cakera Sahaja)
Anda boleh cari folder lain dan pilih untuk main semua fail dalam folder.
Apabila anda sentuh folder, kandungannya akan dipaparkan.

Menu Operasi Cakera DVD

Anda boleh tetapkan fungsi menggunakan menu cakera DVD- VIDEO.

- 1 Sentuh paparan semasa main balik.



- 2 Sentuh **Menu**.
 - Skrin Menu Kawalan dipaparkan.
- 3 Lakukan operasi yang anda kehendaki.



■ Untuk paparan menu atas
Sentuh **Top** .*

■ Untuk paparan menu
Sentuh **Menu** .*

■ Untuk paparan menu sebelumnya
Sentuh **Return** .*

■ Untuk masuk item pilihan
Sentuh **Enter** .

■ Untuk membolehkan operasi langsung
Sentuh **Highlight** untuk masuk mod kawalan sorot (*P.33*)

■ Untuk menggerakkan kursor
Sentuh **▲, ▼, ◀, ▶** .

■ Untuk tukar bahasa sarikata Sentuh **Subtitle**. Setiap kali anda menyentuh kekunci ini, bahasa sarikata akan bertukar.

■ Untuk tukar bahasa audio Sentuh **Audio**. Setiap kali anda sentuh kekunci ini, bahasa audio akan bertukar.

■ Untuk menukar sudut gambar Sentuh **Angle**. Setiap kali anda sentuh kekunci ini, sudut gambar akan bertukar.


■ Untuk tutup skrin Menu Kawalan Sentuh **Hide**.

* Kekunci ini mungkin tidak berfungsi bergantung kepada cakera

■ Kawalan Sorot

Kawalan sorot membolehkan anda mengawal menu DVD dengan menyentuh kekunci secara langsung pada skrin

- 1 Sentuh **Highlight** pada skrin Menu Kawalan
- 2 Sentuh item yang dikehendaki pada skrin



NOTA

- Fungsi kawalan sorot akan dibatalkan secara automatik jika tiada operasi dilakukan dalam jangka masa tertentu

Persediaan DVD

Anda boleh menyediakan fungsi main balik DVD

- 1 Sentuh paparan semasa main balik




- 2 Sentuh .



➤ Skrin persediaan DVD dipaparkan.

- 3 Tetapkan setiap fungsi seperti berikut



■ Bahasa Menu / Bahasa Sarikata / Bahasa Audio

Lihat *Tetapan Bahasa (P.34)*

■ Kawalan Jarak Dinamik

Menetapkan Jarak Dinamik.

Wide: Jarak dinamik adalah luas.

Normal: Jarak dinamik adalah normal.

Dialog (Tetapan Asal): Membuatkan jumlah kelantangan bunyi lebih nyaring dari kelantangan mod lain. Ini hanya efektif apabila perisian Dolby Digital digunakan.

■ Nisbah Skrin

Menetapkan mod paparan skrin.

16:9 (Tetapan Asal): Memaparkan gambar lebar.


4:3 LB: Memaparkan gambar lebar dalam format Letter Box (mempunyai jalur hitam diatas dan dibawah skrin)

4:3 PS: Memaparkan gambar lebar dalam format Pan & Scan format (menunjukkan gambar yang dipotong dihujung kiri dan kanan)

■ Tetapan Bahasa

Bahasa yang dipilih pada setiap tetapan berbeza bergantung pada cakera.

- 1 Sentuh item yang dikehendaki; **Menu Language, Subtitle Language, Audio Language.**
 - Skrin Tetapan Bahasa dipaparkan.
- 2 Pilih bahasa



Untuk kod bahasa, rujuk kepada Kod Bahasa DVD. **(P.64)**

Sentuh **Close** untuk tetapkan bahasa yang dipilih dan kembali ke skrin Persediaan DVD

NOTA

- Untuk set bahasa DVD asal sebagai bahasa audio, sentuh **Asal**.
- Pilihan bahasa setiap tetapan adalah berbagai-bagai bergantung kepada cakera.

USB

⚠ AWAS

- Sebarang video tidak akan dimainkan semasa memandu untuk mengelakkan penglihatan pemandu menetapkan pada paparan unit. Hentikan kenderaan di tempat yang selamat dan gunakan brek parkir sebelum melaksanakan fungsi tersebut.

Menyambung peranti USB

1 Sambung peranti USB ke port USB (P.15)

2 Tekan  butang
➤ Skrin HOME dipaparkan.

3 Sentuh .

4 Sentuh **USB** (P.12)

Putuskan sambungan peranti USB

1 Tekan  butang.
➤ Skrin HOME dipaparkan.

2 Sentuh sumber lain selain **USB** .

3 Cabut peranti USB.

Peranti USB yang boleh digunakan

Anda boleh menggunakan peranti penyimpanan USB dengan unit ini

Perkataan "peranti USB" Yang terdapat dalam panduan ini bermaksud peranti memori flash

• Tentang sistem fail

Fail sistem mestilah salah satu yang berikut

- FAT16
- FAT32
- exFAT
- NTFS

NOTA


- Pasangkan peranti USB di lokasi yang tidak mengganggu pemanduan selamat
- Anda tidak boleh sambung peranti USB melalui hub USB dan Multi Card Reader.
- Membuat sandaran video yang dimainkan menggunakan unit ini. Fail boleh dipadamkan bergantung kepada keadaan operasi peranti USB. Kami tidak akan bertanggungjawab bagi segala kerosakan akibat kehilangan data.

Operasi Asas USB


Kebanyakan fungsi boleh dikawal menggunakan skrin sumber kawalan dan skrin main balik.

Skrin Kawalan

Fail Musik



Fail Video






1 CODEC (Model AVX dengan T-Link)

Apabila sumber beresolusi tinggi dimainkan, maklumat format dipamerkan (Fail Musik sahaja)

2 Maklumat Trek

Memaparkan maklumat fail semasa. Hanya nama fail dan nama folder akan dipaparkan jika tiada maklumat tag

3 Kekunci Operasi

-  : Cari fail/trek. Untuk perincian pada operasi carian, lihat **Operasi Carian** (P.36)
-  : Cari trek/fail sebelumnya atau seterusnya.
Sentuh dan tahan untuk main pantas ke hadapan atau ke belakang
-  : Main atau Jeda

- : Ulang trek/folder semasa. Setiap kali anda menyentuh kekunci, mod ulang akan bertukar mengikut turutan: Ulang fail (), Ulang folder () ,Ulang semua()
- : Main secara rawak semua trek dalam folder semasa. Setiap kali anda menyentuh kekunci, mod rawak akan bertukar mengikut turutan berikut: Fail rawak() , Main rawak dimatikan()

4 Panel Sub-Kawalan

Sentuh sebelah kiri skrin untuk memaparkan panel fungsi. Sentuh lagi untuk tutup panel.

- : Cari folder sebelumnya/seterusnya

5 Masa Main

Untuk memastikan kedudukan masa main semasa. Anda boleh sorot bulatan ke kiri atau kanan untuk menukar posisi main.



6 Sorokkan (Fail video sahaja)

Skrin kawalan disorokkan



7 Kawasan paparan kekunci (Fail video sahaja)

Sentuh untuk paparkan skrin kawalan

Operasi Carian

Anda boleh mencari fail musik atau video menggunakan operasi berikut

- 1 Sentuh pada skrin kawalan USB.

- 2 Sentuh



- 3 Pilih jenis senarai




NOTA

- Untuk operasi skin senarai, *skrin Senarai (P.14)*.

Carian Kategori

Anda boleh mencari fail dengan memilih kategori

- 1 Sentuh **Category List**.
- 2 Pilih sama ada anda ingin mencari fail audio atau fail video .
- 3 Sentuh kategori yang dikehendaki




➤ Senarai dari pilihan anda dipaparkan

- 4 Sentuh untuk pilih item yang dikehendaki dalam senarai. Ulang langkah ini sehingga anda jumpa fail yang dikehendaki.

Carian Folder

Anda boleh cari fail mengikut hierarki.

- 1 Sentuh **Folder List**.
- 2 Sentuh folder yang dikehendaki



Apabila anda sentuh folder, kandungan akan dipaparkan.

- 3 Sentuh untuk pilih item yang dikehendaki dalam senarai. Ulang langkah ini sehingga anda jumpa fail yang dikehendaki.

iPod/iPhone

Penyediaan

iPod/iPhone yang dapat disambung

Model yang mempunyai port Lightning boleh disambungkan kepada unit ini.



▲ LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Toyota tidak bertanggungjawab atas kehilangan data dari iPod, walaupun berlaku semasa menggunakan produk ini. Sila buat sandaran data iPod dengan kerap
- Jangan tinggalkan iPod anda di bawah cahaya matahari langsung untuk jangka masa yang lama. Pendedahan dalam masa yang lama boleh menyebabkan kerosakan atas sebab haba melampau.
- Jangan tinggalkan iPod di lokasi bersuhu tinggi
- Pasang iPod anda dengan rapi semasa memandu. Jangan biarkan iPod jatuh ke lantai, kerana ia boleh menyebabkan tersekat di bawah pedal brek atau minyak.

NOTA

- Apabila anda menghidupkan unit ini, iPod/iPhone akan dicas.
- Jika anda memulakan main balik selepas menyambung iPod, musik yang dimainkan pada iPod sebelum ini akan dimainkan dahulu.

Menyambung iPod/iPhone

- 1 Sambung iPod/iPhone ke port USB **(P.14)**.
- 2 Tekan  .
 - Skrin HOME dipaparkan.
- 3 Sentuh  .
- 4 Sentuh iPod. **(P.11)**

• Untuk mencabut iPod/iPhone yang bersambung dengan kabel

- 1 Cabut iPod/iPhone.

Operasi Asas iPod/iPhone



1 Informasi Trek

Memaparkan maklumat fail terkini

2 Kekunci Operasi

- : Mencari Trek/Fail. Untuk pencarian operasi cari, lihat **Operasi Carian (P.39)**
- : Cari Fail/Trek sebelumnya/seterusnya
Sentuh dan tahan untuk main pantas ke belakang / ke hadapan
- : Main/Jeda
- : Ulang trek/album semasa. Setiap kali anda sentuh kekunci, mod ulangan bertukar mengikut turutan berikut:
Ulang lagu (), Ulang semua lagu (), Matikan Ulangan ()
- : Main semua trek dalam album semasa. Setiap kali anda sentuh kekunci, mod rawak akan bertukar mengikut turutan berikut: Main lagu rawak (), Matikan rawak ()

3 Masa Main

Untuk memastikan posisi main semasa. Anda boleh sorot bulatan ke kiri atau kanan untuk menukar kedudukan main.




Operasi Cari

Anda boleh cari fail musik dengan operasi berikut

NOTA

- Untuk operasi pada skrin senarai, lihat skrin Senarai (P.14)

- 1 Sentuh skrin kawalan pada iPod/iPhone
- 2 Sentuh kategori dikehendaki



➤ Senarai pilihan anda dipaparkan

- 3 Sentuh untuk pilih item dikehendaki. Ulang langkah ini sehingga anda jumpa fail dikehendaki.

Radio

Operasi Asas Radio


Kebanyakan fungsi dapat dikawal melalui skrin sumber kawalan

Untuk masuk sumber Radio, sentuh ikon **Radio** di skrin pilihan sumber. (P.12)

Model Serasi RDS



Model Tidak Serasi RDS



1 Paparan maklumat

Memaparkan maklumat stesen semasa:
Frekuensi

Sentuh kawasan ini untuk tukar maklumat paparan RDS(Model RDS-compatible sahaja)

Type A: PS name, Radio Text/Song Name, Artist Name, PTY

Type B: PSname

2 Kekunci pratetap

Memanggil semula stesen yang disimpan
Apabila disentuh untuk 2 saat, menyimpan stesen penerima dalam memori

3 PTY (FM sahaja)*

Mencari program dengan tetapan jenis program. Untuk perincian, lihat **Carian menggunakan jenis program (P.41)**.

4 TI (FM sahaja)*

Menetapkan mod infotrafik dihidupkan. Untuk perincian, lihat **Untuk mengaktifkan TI Penerimaan Siaga (P.42)**.

5 Kekunci Operasi

- **◀▶** : Tukar frekuensi sebelumnya/seterusnya secara manual
Sentuh dan tahan untuk carian stesen dengan penerimaan yang baik secara automatik
- **Band** : Menukar band (FM1/FM2, AM).
- **Mono**(FM sahaja) : Memilih penerimaan Monaural secara manual
- **Auto.P** : Pratetap stesen secara automatik. Untuk perincian, lihat **Pratetap memori Auto (P.41)**
- **Lo.S**(FM sahaja) : Menetapkan fungsi Local Seek dihidupkan

6 (FM sahaja)*

Memaparkan skrin Tetapan Radio. Untuk perincian, lihat **Pratetap Radio (P.43)**.


* Model serasi RDS sahaja

Operasi Memori


Pratetap memori auto

Anda boleh menyimpan stesen secara automatik ke dalam memori

1 Sentuh **Auto.P** .



2 Sentuh **Yes** .



➤ Memori Pratetap Auto dimulakan.

NOTA

- Untuk model serasi RDS, stesen yang disimpan dalam fungsi memori pratetap auto dimainkan adalah terhad dengan tetapan berikut
 - Apabila fungsi AF ditetapkan ke "AF" atau "AF Regional" di skrin Tetapan Radio dan mod infotrafik dimatikan, hanya Data Sistem Radio yang disimpan.
 - Apabila mod infotrafik dihidupkan, hanya Data Sistem Radio yang mengandungi maklumat TI disimpan

Memori Manual

Anda boleh simpan stesen penerima semasa ke dalam memori

- 1 Pilih stesen yang anda ingin simpan kedalam memori
- 2 Sentuh **P#** (#:1 -6) dimana anda ingin simpan stesen sehingga 2 saat dan berbunyi beep

Operasi Memilih

Memilih Pratetap

Anda boleh pilih stesen yang disimpan

1 Sentuh kekunci pratetap yang dikehendaki



Cari menggunakan jenis program (FM sahaja) (Model RDS-compatible sahaja)


Anda boleh menala stesen dengan program spesifik apabila mendengar FM.

1 Sentuh **PTY** .



➤ Skrin carian PTY dipaparkan.


- 2 Pilih jenis program dari senarai.
- 3 Sentuh **Search**.



Anda boleh cari stesen dari jenis program yang dipilih

Berita Terkini dan InfoTrafik (FM sahaja) (Model serasi RDS)

Anda boleh dengar dan lihat infotrafik, berita dan buletin amaran secara automatik apabila buletin dimulakan. Apabila buletin lengkap, radio akan kembali ke stesen asal.



1 Teks Maklumat

Memaparkan Infotrafik, Berita dan mesej Amaran.

2 OFF (Maklumat Trafik/Berita sahaja)

InfoTrafik: Menetapkan fungsi InfoTrafik dimatikan dan kembali ke skrin asal.


Berita: Menetapkan gangguan buletin berita dimatikan dan kembali ke skrin asal.

NOTA


- Fungsi InfoTrafik wajib dihidupkan bagi skrin InfoTrafik dipaparkan secara automatik. **(P.42)**
- Fungsi gangguan buletin berita wajib dihidupkan bagi skrin Berita dipaparkan secara automatik. **(P.43)**
- Tetapan kelantangan semasa penerimaan maklumat trafik disimpan secara automatik. InfoTrafik/Berita/Amaran yang diterima seterusnya, unit akan panggil semula tetapan kelantangan secara automatik.

Untuk mengaktifkan Penerimaan Siaga TI

1 Sentuh **Band** untuk bertukar ke band FM.




2 Sentuh **TI**.




➤ Mod InfoTrafik ditetapkan

Tetapan Radio (FM sahaja) (Model RDS-compatible)


Anda boleh tetapkan parameter radio

- 1 Sentuh **Band** untuk tukar ke band FM
- 2 Sentuh .



➤ Skrin Tetapan Radio dipaparkan.

- 3 Tetapkan setiap item seperti berikut.



■ Berita

Tetapkan masa gangguan buletin berita. Tetapan asal ialah "OFF".

■ AF

AF : Apabila penerimaan stesen lemah, pertukaran automatik ke stesen yang menyiarkan program yang sama di rangkaian

AF Regional:Mengehadkan stesen ke kawasan spesifik semasa menggunakan kawalan "AF"

OFF (Tetapan asal): Membatalkan fungsi

■ TP Auto Cari

Apabila maklumat InfoTrafik lemah, secara automatik carian stesen yang mempunyai penerimaan lebih baik. Tetapan asal "ON".

■ Bahasa PTY

Memilih bahasa paparan untuk fungsi PTY.

■ Kawalan Antena

Membenarkan anda untuk mematikan Sistem Data Radio untuk mengelakkan antena yang didorong oleh motor memanjang. Tetapan asal ialah "ON"

Komponen Luaran Lain

Menggunakan PVM/kamera belakang



Pandangan kamera

Apabila gear digerakkan ke kedudukan Reverse (R), skrin AVX secara automatik bertukar ke gambar kamera skrin penuh.

⚠ AWAS

- Gambar yang jelas tidak dapat dipaparkan pada skrin jika kanta kamera belakang kotor. Jika terdapat titisan air atau lumpur dll. pada kanta kamera, basuh dan lap menggunakan kain lembut. Jika kanta terlalu kotor, basuh dengan cecair pembersih lembut.
- Kualiti imej mungkin menurun bergantung kepada persekitaran seperti waktu malam atau tempat yang gelap.
- Jarak yang dapat dijangka oleh kamera belakang adalah terhad.
- Objek yang terletak lebih tinggi dari kamera belakang mungkin tidak dipaparkan pada skrin.
- Pandangan kamera belakang dipadamkan secara automatik jika gear diselaraskan kepada kedudukan selain daripada kedudukan REVERSE (R).
- Mod pandangan kamera belakang adalah sebagai bantuan semasa mengundur. Jangan gunakan fungsi ini untuk tujuan hiburan.

Tetapan Kamera

- 1 Tekan  butang
Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh 
➤ Skrin sistem dipaparkan.
- 3 Sentuh [Kamera].



- Skrin kamera dipaparkan.

4 Tetapkan item seperti berikut.



■ [Sambungan Kamera]



Tetapkan sama ada hendak menggunakan kamera pandangan belakang.


Pemain audio luaran (AUX)

- 1 Sambungkan komponen luaran ke terminal input AUX. (P.15)
- 2 Pilih [AUX] sebagai sumber. (P.12)
- 3 Hidupkan komponen bersambung dan sumber mula dimainkan.

Tetapan


Melaraskan Paparan

- 1 Tekan  butang
➤ Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh  .



- Skrin kawalan paparan dipaparkan.

- 3 Laraskan setiap tetapan seperti berikut





Jika imej pada skrin tidak sekata, laraskan sudut pandangan. Semakin kecil nilai, imej nampak lebih putih. "0" (Tetapan asal)"/"1"/"2"/"3"




Melaraskan lampu latar. ("-4" to "4")

Melaraskan Gambar


Anda boleh melaraskan kualiti imej video, skrin menu dll.

- 1 Tekan  butang
➤ Menu popup dipaparkan
- 2 Sentuh  .




- Skrin kawalan gambar dipaparkan

- 3 Laraskan setiap tetapan seperti berikut



Laraskan setiap tetapan.

 (Kamera sahaja)
Melaraskan warna. ("-4" to "4")

 (Fail video sahaja)
Pilih mod skrin

Full: Memaparkan video dengan nisbah 16:9.

Normal: Memaparkan video dengan nisbah 4:3.

Auto:

DVD dan Video-CD: video 16:9 dipaparkan dalam mod **Full** dan video 4:3 dipaparkan dalam mod **Normal**.



Peranti USB dan media cakera:



Memaparkan video penuh tanpa menukar nisbah(melintang atau menegak)

NOTA

- Pelarasan tetapan bergantung kepada sumber semasa

Tetapan Sistem

- 1 Tekan  butang
 ➤ Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .






Untuk tetapan, lihat setiap bahagian di bawah

- Sistem General (P.46)
- Sistem Regional (P.8)
- Sistem Connectivity (P.18)
- Sistem User interface (P.47)
- Sistem Dual Zone (P.49)
- Sistem Camera (P.44)

Sistem General

Anda boleh memastikan maklumat unit ini.

- 1 Tekan  butang
 ➤ Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .
- 3 Sentuh **General**.



➤Skrin General dipaparkan

- 4 Tetapkan setiap parameter seperti berikut.

■ Maklumat Perisian

Mengesahkan versi perisian unit ini (P.46)

■ Lesen Sumber Luar

Memaparkan lesen sumber luar.


■ Restore Factory Default

Sentuh **Restore Factory Default** dan sentuh **Yes** untuk tetapkan semua tetapan ke tetapan asal.



Maklumat Perisian


Anda boleh memastikan versi perisian unit ini

- 1 Sentuh **Software Information** di skrin General
- 2 Pastikan versi perisian




Sistem User Interface (Antara Muka Pengguna)

- 1 Tekan  butang
 - Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh  .
 - Skrin System dipaparkan.
- 3 Sentuh **User Interface** .



- Skrin User Interface dipaparkan

- 4 Tetapkan setiap parameter ke tetapan berikut



■ Beep

Menghidupkan atau mematikan nada kekunci sentuh. Tetapan asal ialah "ON"

■ Latar Belakang


Anda boleh menukar imej latar (P.47)

■ Warna Pencahayaan Kekunci

Anda boleh tukar warna kekunci. (P.48)

■ Menukar Imej Latar Belakang

- 1 Sentuh **Background** pada skrin User Interface
- 2 Pilih imej




*1 Muat naik imej asal terlebih dahulu

Muat naik imej original


Anda boleh muat naik imej dari peranti USB yang disambungkan dan ditetapkan sebagai imej latar belakang.

Sebelum memulakan prosedur, anda perlu menyambungkan peranti yang mengandungi imej terlebih dahulu.

- 1 Sentuh **User Select** pada skrin Background
- 2 Pilih imej untuk muat naik






3 Sentuh **Enter**.




➤ Imej yang dipilih dimuat naik dan paparan kembali ke skrin Background

NOTA

- Menyentuh  memutar imej arah lawan jam
- Menyentuh  memutar imej arah jam
- Fail gambar: JPEG (.jpg, .jpeg), PNG (.png), BMP (.bmp)

 Menukar warna kekunci


- 1 Sentuh **Key Color** pada skrin the User
- 2 Pilih warna kekuci



3 Sentuh .

Menyimpan warna dibuat sendiri
Anda boleh simpan warna yang dibuat sendiri

- 1 Sentuh **User** pada skrin Key Color.
- 2 Sentuh **Adjust**.
- 3 Gunakan - dan + untuk melaraskan nilai warna



4 Sentuh .

Sistem Dual Zone (Dwi-Zon)

Anda boleh memilih sumber berbeza untuk kedudukan depan dan belakang di dalam kenderaan.


NOTA

- Fungsi ini tersedia untuk kenderaan yang dilengkapi dengan Sistem Dwi-Zon.
- Fungsi ini tidak berfungsi dalam kereta di bawah
 - Tiada pembesar suara yang dilengkapi.
 - Tiada monitor belakang yang dilengkapi.

1 Tekan  **butang.**
➤ Menu Popup terpapar


2 Sentuh 
➤Skrin sistem terpapar

3 Sentuh Dwi-Zon




➤Skrin sistem terpapar

4 Sentuh Pilihan Zon.



5 Sentuh Dwi-Zon



6 Set setiap sumber seperti berikut.

Dual Zone	
Zone Select	Dual Zone
Front Source	AUX
Rear Source	USB
Rear Volume	14

■ Pilih Zon

Sentuh **Zon Tunggal** untuk mematikan fungsi Dwi-Zon.

■ Sumber Di hadapan / Belakang

Pilih sumber untuk setiap.

Sumber Belakang, OFF/Cakera/USB/AUX

■ Bunyi Belakang

Laraskan bunyi sumber di belakang.

NOTA



- Apabila anda memilih sumber yang tidak termasuk video sebagai Sumber Di belakang, monitor belakang tidak akan terpapar sebarang imej.
- Apabila "Pilih Zon" di set kepada "Dwi-Zon, fungsi seperti berikut di bawah tidak tersedia.
 - Pemudar (**P.50**)
 - Kawalan Pengimbang/Kesan Bunyi/Kedudukan Pendengaran/DTA (**P.51,52,53**)
 - Main semula Sumber Bunyi Fail Resolusi Tinggi (Hanya AVX Premium)



Kombinasi boleh dipilih

Sumber Di hadapan	Sumber Di belakang
T-Link	OFF
Audio Bluetooth	OFF/Cakera(DVD)/CD-Video/AUX
Radio	OFF/Cakera/USB/AUX
Cakera (DVD)/ CD-Video)	OFF/Cakera/USB/AUX
Cakera (CD Muzik/ Media cakera)	OFF/AUX
AUX	OFF/Cakera/USB/AUX
USB	OFF/Cakera (DVD/CD-Video/USB/AUX
iPod	OFF/Cakera (DVD/CD-Video/AUX)

Kawalan Audio

Anda boleh melaraskan pelbagai tetapan seperti kawalan audio



- 1 Sentuh  butang
➤ Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .




Lihat bahagian berikut untuk membuat tetapan


- Kawalan equalizer (P.51)
- Tetapkan posisi mendengar/ DTA (P.53)
- Mengawal audio umum (Fader/Balance) (P.50)
- Tetapkan kelantangan offset (P.52)
- Menetapkan kesan bunyi (P.52)

Mengawal Audio Umum

- 1 Tekan  butang
➤ Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .
- 3 Sentuh **Fader/Balance**.



- 4 Tetapkan setiap parameter seperti berikut.



■ Fader/ Balance

Laraskan keseimbangan kelantangan disekitar kawasan sentuhan

◀ dan ▶ melaraskan keseimbangan kelantangan kiri dan kanan



▲ dan ▼ melaraskan keseimbangan kelantangan depan dan belakang


■ Center

Membatalkan pelarasan


Kawalan Penyamaan

Anda boleh melaraskan penyamaan dengan memilih tetapan yang dioptimumkan untuk setiap kategori

- 1 Tekan  butang.
 - Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .
 - Skrin audio dipaparkan.
- 3 Sentuh **Equalizer**.





- 4 Sentuh skrin dan tetapkan Graphic Equalizer seperti yang dikehendaki



■ Tahap peningkatan (kawasan dalam bingkai berbintik)

Laraskan tahap peningkatan dengan menentuk bar frekuensi

Anda boleh pilih bar frekuensi dan laraskan tahap dengan  .

■ Pilihan Pratetap

Memaparkan skrin untuk pemilihan lengkung penyamaan yang dipratetap (**P.51**)

■ Memori Pratetap

Menyimpan lengkung penyamaan yang dilaraskan sebagai "User".



Memulakan (meratakan) lengkung semasa EQ.


■ Semua Sumber

Mengaplikasi lengkung penyamaan yang dilaraskan ke semua sumber. Sentuh **All Sources** dan sentuh **OK** pada skrin pengesahan.

■ **ON/ OFF** (Tetapan Bass Extend)
Apabila dihidupkan, frekuensi rendah daripada 62.5Hz ditetapan ke tahap peningkatan yang sama (62.5Hz).



■ Panggil semula lengkung EQ


- 1 Sentuh **Preset Select**.
- 2 Pilih lengkung EQ.



Kelantangan Offset

Menyelaras kelantangan bagi sumber semasa untuk meminimakan perbezaan antara sumber berlainan.

- 1 Sentuh  butang
 - Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh  .
 - Skrin Audio dipaparkan.
- 3 Sentuh **Volume Offset** .



- 4 Sentuh **+** atau **-** untuk melaraskan tahap.



Initialize

Kembali ke tetapan asal



Sentuh **Initialize** dan sentuh **Yes** pada skrin pengesahan


NOTA

- Jika anda menaikan kelantangan bunyi, turunkan kelantangan menggunakan "Volume Offset". Menukar sumber secara tiba-tiba boleh menyebabkan output kelantangan yang melampau


Kesan Bunyi

Anda boleh menetapkan kesan bunyi

- 1 Sentuh  butang
 - Menu Popup dipaparkan.
- 2 Sentuh  .
 - Skrin audio dipaparkan.
- 3 Sentuh **Sound Effect**.



- 4 Tetapkan setiap parameter seperti di bawah



Bass Boost

Menetapkan jumlah Bass Boost. "OFF"/ "1"/"2"/"3"

Loudness

Menetapkan jumlah Loudness untuk nada tinggi dan rendah "OFF", "Low", "High"

Auto Sound Level

Kualiti suara dioptimumkan secara automatik mengikut kelajuan semasa kenderaan "OFF", "ON"

Space Enhancement

Memilih suasana untuk ruang penambahbaikan bunyi. "OFF"/"Small"/"Medium"/"Large".
Tetapan ini tidak terdapat untuk sumber Radio

■ **Teknologi K2**

Menghidupkan atau mematikan fungsi K2

Teknologi untuk mengekstrapolasi dan menambah dengan algoritma proprietari, julat frekuensi tinggi yang dipotong semasa pengekodan

■ **Respon Bunyi**

Membuat bunyi lebih realistik secara maya menggunakan sistem Digital Signal Processor (DSP)

Pilih tahap dari "OFF"/ "1"/ "2"/ "3".

■ **Menaikkan Bunyi**



Anda boleh melaraskan tinggi pembesar suara mengikut citarasa mendengar anda.


"OFF"/"Low"/"Middle"/"High".

Kedudukan Mendengar/DTA

Kedudukan mendengar /DTA membenarkan anda untuk menambah baik bunyi bergantung kepada kedudukan tempat duduk anda.

Kedudukan mendengar /DTA membenarkan anda untuk menetapkan "Listening Position" dan "Front Focus". Anda tidak boleh menetapkan keduanya dalam masa yang sama.

- 1 Tekan  butang.
 - Menu popup dipaparkan.
- 2 Sentuh .
 - Skrin audio dipaparkan.
- 3 Sentuh **Position/DTA**.




- Menetapkan Kedudukan Mendengar (P.53)
- Menetapkan Tumpuan Hadapan (P.54)

■ **Kedudukan Mendengar**



Melaraskan masa pengeluaran bunyi supaya bunyi dari pembesar suara yang berasingan sampai pada masa yang sama.


- 1 Sentuh **Listening Position** pada skrin Position/DTA
- 2 Pilih kedudukan mendengar dari **Front R** (Kanan hadapan), **Front L** (Kiri hadapan), **Front All** (Semua hadapan), dan **All**.



Kawalan Kedudukan DTA


Anda boleh menetapkan kedudukan mendengar dengan teliti

- 1 Sentuh **Adjust**.
- 2 Sentuh **Delay**.
- 3 Sentuh  atau  untuk menetapkan masa kelewatan untuk pembesar suara yang dipilih



- 4 Sentuh **Level**.

- 5 Sentuh atau untuk melaraskan tahap bunyi pembesar suara yang dipilih




NOTA

- Untuk menetapkan semula tetapan Delay dan Level, sentuh **Initialize** dan **Yes** pada skrin pengesahan

Tumpuan Hadapan


Anda boleh menumpukan imej khayalan bunyi di hadapan tempat duduk yang dipilih.

- 1 Sentuh **FrontFocus** pada skrin Position/DTA
- 2 Pilih kedudukan tumpuan hadapan Untuk **Front All** dan **All**, pilih Priority L atau R bergantung kepada sebelah mana anda ingin letakkan imej khayalan bunyi.



Tetapan Terperinci Tumpuan Hadapan

- 1 Sentuh **Adjust**.
- 2 Sentuh **Delay**.
- 3 Tetapkan setiap parameter seperti berikut



■ **Sound Image LR (Front)**

Tumpukan imej bunyi pada bahagian depan tempat duduk hadapan


■ **Sound Image LR (Rear)**

Tumpukan imej bunyi pada bahagian depan tempat duduk belakang

■ **Size of the Virtual Sound Field**

Melaraskan saiz imej bunyi mengikut citarasa anda. Jika bunyi dialihkan dari depan, alihkan kebelakang semula menggunakan **Sound Image LR (Front)** atau **Sound Image LR (Rear)**.

- 4 Sentuh **Level**.
- 5 Sentuh atau untuk melaraskan tahap bunyi pembesar suara yang dipilih



NOTA

- Untuk menetapkan semula tetapan Delay dan Level, sentuh **Initialize** dan **Yes** pada skrin pengesahan







Suis Kawalan Roda stereng

Unit ini boleh dikawal melalui suis stereng.

NOTA

Untuk fungsi suis kawalan roda stereng berbeza bergantung kepada kenderaan dan gred kenderaan

Operasi menggunakan suis kawalan roda stereng

Kekunci	Tekan	Tekan dan Tahan
	Naikkan Kelantangan	Naikkan kelantangan secara berterusan
	Turunkan kelantangan	Turunkan kelantangan secara berterusan
MODE	Menukar sumber	Pembisuan ON/OFF
	Pilih stesen radio pratetap. Pilih trek, fail, jilid seterusnya	Mencari stesen radio Carian ke hadapan
	Pilih stesen radio pratetap. Pilih trek, fail, jilid sebelumnya	Mencari stesen radio Carian ke belakang
	Menerima panggilan masuk. Membuat panggilan	Menolak panggilan masuk Mematikan panggilan
	Menolak panggilan masuk. Matikan panggilan.	
VOICE	Memulakan Pengawalan Suara telefon pintar (Bergantung pada telefon pintar)	Mematikan Pengawalan Suara telefon pintar

Kawalan Jauh

Unit ini boleh dioperasikan menggunakan alat kawalan jauh

▲ AMARAN

- Jangan menelan bateri. Boleh menyebabkan melecur atas tindak balas kimia
 - Alat kawalan jauh yang dibekalkan untuk produk ini mengandungi bateri jenis syiling/butang
 - Jika tertelan bateri jenis syiling/butang, kelecuman dalaman yang teruk boleh berlaku dalam masa 2 jam setelah menelan bateri ini dan boleh menyebabkan kematian.
 - Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa. Jika petak bateri tidak dapat ditutup dengan rapi, berhenti menggunakan produk ini dan jauhkannya dari jangkauan kanak-kanak
 - Jika anda mengesyaki bahawa bateri telah tertelan atau termasuk ke dalam mana-mana bahagian badan, sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera
 - Jangan biarkan alat kawalan jauh jatuh ke lantai kenderaan, ianya mungkin menyebabkan pedal minyak atau brek tersekat
- ### ▲ LANGKAH BERJAGA-JAGA
- Jangan tinggalkan bateri berdekatan api atau cahaya matahari langsung. Kebakaran, letupan atau haba melampau boleh berlaku.
 - Jangan cas semula, dihangatkan, dipecah, dipotong atau diletakkan dalam api kerana boleh menyebabkan kebocoran cecair. Jika cecair bateri terkena mata atau baju, basuh dengan air serta merta dan dapatkan rawatan
 - Bahaya letupan jika bateri Litium tidak ditukar dengan betul. Tukar hanya dengan jenis yang sama atau setara.

Menggunakan alat kawalan


Halakan alat kawalan jauh ke arah panel hadapan untuk digunakan.

- Alat kawalan mungkin tidak berfungsi dengan baik dalam cahaya matahari langsung


PENTING

- Jangan simpan alat kawalan ditempat berhaba tinggi atau mengena matahari langsung
- Jangan biarkan alat kawalan jatuh ke lantai kenderaan, ianya mungkin menyebabkan minyak atau brek tersekat

- Mengeluarkan kunci bateri
tarik kunci bateri dari alat kawalan untuk mengaktifkan bateri




- Menukar bateri alat kawalan jauh



- Gunakan bateri butang komersial (CR2025).
- Masukkan bateri dengan hujung kutub + dan - diselaraskan dengan betul
 - Jika alat kawalan jauh tidak berfungsi dengan baik, tukar bateri

Fungsi Butang Alat Kawalan Jauh



Nama Kekunci	Fungsi
MODE	<ul style="list-style-type: none"> Memilih sumber. (Tekan) Memadamkan kuasa. (Tahan)
VOL ^ v	Melaraskan kelantangan
ASPECT	Menukar nisbah. <ul style="list-style-type: none"> Untuk mengesahkan nisbah tetapan semasa, gunakan panel sentuh. (P.45)
MUTE	Merendahkan kelantangan apabila ditekan sekali. Mengembalikan kelantangan sebelumnya jika ditekan dua kali
▲ ▼	Memilih folder untuk dimainkan Untuk sumber DVD/Video-CD, pilih tajuk untuk dimainkan
◀▶ ▶▶	Memilih trek atau fail untuk dimainkan. Untuk sumber radio, menukarkan stesen diterima oleh unit. Untuk sumber DVD/Video-CD, pilih jilid/aksi/trek yang ingin dimainkan
ENT ▶	<ul style="list-style-type: none"> Mainkan/jeda* main balik. Melakukan fungsi pilihan.
DIRECT	menukarkan mod carian langsung. Untuk perincian mod carian langsung, lihat Mod carian langsung (P.58)
VOICE	Mengaktifkan kawalan bunyi
AM FM	Memilih band FM/AM untuk diterima
Numeric Keypad	1 - 6 : Memasukkan nombor stesen dipratetap. Membolehkan anda mencari dalam mod carian langsung. Untuk perincian mod carian langsung, lihat Mod carian langsung (P.58)
☎	Memaparkan skrin Bebas Tangan (P.22) Apabila panggilan masuk, menjawab panggilan
☎	Mematikan/Menolak Panggilan

Mod carian langsung

Menggunakan alat kawalan jauh, anda boleh lompat ke fail yang dikehendaki, jilid trek dll.dengan memasukkan nombor sepadan dengan kandungannya

NOTA

- Operasi ini tidak dapat dibuat untuk peranti USB dan iPod

- 1 Tekan butang **MODE beberapa kali sehingga sumber dikehendaki dipaparkan**
- 2 Tekan butang **DIRECT untuk memilih kandungan**
Kandungan yang ada adalah berbeza mengikut jenis sumber
 - **DVD**
Nombor Tajuk/Nombor Babak
 - **Video-CD 1.X and 2.X (PBC OFF)**
Nombor Trek
 - **Video-CD 2.X (PBC ON)**
Nombor Aksi/Nombor Trek
 - **Music CD**
Nombor Trek
 - **Radio**
Nilai Frekuensi
- 3 Masukkan nombor kandungan yang anda ingin mainkan menggunakan kekunci nombor
- 4 Untuk DVD atau Video-CD,CD musik, tekan butang **ENT**
Untuk Radio, tekan butang **⏪** atau **⏩**.
 - Kandungan yang sepadan dengan nombor yang anda masukkan dimainkan.

Penyelesaian Masalah

Masalah dan Penyelesaiannya

Jika anda mempunyai masalah menggunakan produk ini, sila lihat bahagian ini. Masalah yang paling biasa disenaraikan di bawah, bersama-sama dengan sebab dan penyelesaian yang mungkin. Penyelesaian untuk masalah anda tidak didapati di sini, hubungi peniaga anda atau Pusat Perkhidmatan Toyota terdekat

NOTA

- Sesetengah fungsi dari unit ini mungkin dibatalkan oleh sesetengah tetapan pada unit ini.
- Apa yang mungkin kelihatan sebagai kerosakan di dalam unit anda mungkin disebabkan oleh kesilapan operasi

Tentang tetapan

- **Tidak dapat memilih destinasi output sub-sumber dalam dwi-zon**
- **Tidak dapat melaraskan kelantangan pembesar suara belakang**

Fungsi dwi-zon dibatalkan.

- Tetapkan fungsi dwi-zon ke ON. Lihat *Sistem Dwi-Zon (P.49)*

Tidak dapat menyediakan equalizer.

Fungsi dwi-zon dihidupkan

- Tetapkan fungsi dwi-zon ke OFF. Lihat *sistem dwi-zon (P.49)*.

Tentang Operasi Audio

Tidak dapat memilih folder.

Fungsi main rawsak dihidupkan

- Matikan fungsi main rawak

Tidak dapat main ulang semasa main balik Video-CD

Fungsi PBC dihidupkan

- Matikan fungsi PBC

Cakera dipilih tidak dimainkan sebaiknya cakera lain dimainkan

Cakera kotor

